

TTSH Arahan Pengumpulan Air Kencing 24 Jam untuk Ujian 5-HIAA

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Jangan makanan berikut 3 hingga 4 hari sebelum dan semasa pengumpulan air kencing anda:

- Avokado, Kurma, Tembikai Susu, Kacang, Buah plum
- Vanila dan produk vanila
- Pisang, Terung, Buah Kiwi
- Kacang Pecan, Tomato
- Tembikai Wangi (cantaloupe), Limau Gedang (grapefruit), Tembikai
- Nanas dan Walnut

Penting: Minum banyak air untuk mengelakkan dehidrasi

Apa Yang Anda Perlu Tahu:

Doktor anda memerlukan sampel air kencing anda selama 24 jam untuk ujian.

Sebelum Anda Bermula:

- Anda akan diberi bekas pengumpulan khas
- Bekas ini mengandungi cecair pengawet untuk menjaga kesegaran air kencing
- Simpan bekas pengumpulan di tempat yang sejuk dan kering
- Jauhkan dari cahaya matahari
- Jangan cuci bekas tersebut
- Jangan buang cecair pengawet dalam bekas

Cara Mengumpul:

1. Pada pagi hari pertama
 - Buang air kencing pertama ke dalam tandas (tidak perlu dikumpul)
 - Segera catat masa pada label bekas (contoh: 8 pagi)
2. Sepanjang 24 jam berikutnya
 - Kumpul semua air kencing menggunakan bekas buah pinggang yang disediakan
 - Tuang dengan berhati-hati ke dalam bekas pengumpulan
3. Pada hari kedua
 - Pada masa yang sama seperti yang dicatat (contoh: 8 pagi)
 - Kumpul air kencing terakhir
 - Tuang ke dalam bekas pengumpulan untuk melengkapkan ujian
4. Selepas selesai
5. Hantar bekas pengumpulan ke Klinik Pesakit Luar _____ secepat mungkin

Peringatan Penting:

Jika perlu membuang air besar, kumpul air kencing dahulu untuk mengelakkan pencemaran

Amaran: Cecair pengawet dalam bekas adalah toksik dan menghakis. Jangan tumpah atau buang

Untuk keputusan yang tepat, sila ikut arahan dengan teliti.

Jika ada pertanyaan, sila hubungi: 6357 7000.

Terima kasih.



Sila imbas kod QR dengan menggunakan telefon bimbit anda untuk mendapatkan maklumat dalam talian atau kunjungi <https://nhghealth.com.sg>

Jabatan Renal Medicine
PECC-REN-ED-2025-2094M-v1

© Hospital Tan Tock Seng, Singapura 2025. Hakcipta terpelihara. Semua maklumat benar pada September 2025. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, menyalin atau memindahkan mana-mana bahagian dokumen ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Hospital Tan Tock Seng. Semua maklumat dalam dokumen ini merupakan panduan sahaja, dan tidak menggantikan nasihat atau pendapat yang diberikan oleh doktor anda atau ahli profesional kesihatan yang lain.